

Penilaian Anugerah Kualiti Rektor Syafini Muda @ Yusof

KANDUNGAN:

Penilaian Anugerah Kualiti Rektor	1
Bengkel Asas Penerbitan Buletin	2
Bengkel Analisa Maklum Balas & Aduan Pelanggan	3
Program Ceria 5S Bersama Warga Kampus UiTM(T)KT	4

Sidang Redaksi

Penaung

Prof. Madya Dr. Abdul Samad Bin Nawi

Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Zuina Binti Ismail

Pengerusi

Puan Syafini Muda@Yusof

Ketua Penyunting

Juliana Mohd Nor

Penyunting

Siti Munirah Muda

Noor Erni Fazlina Mohd Akhir

Percetakan

Rubiah Abu Bakar

PENERBITAN
UNIT KOMUNIKASI & LATIHAN
UNIT KUALITI UTM
(TERENGGANU)
KAMPUS KUALA TERENGGANU



Anugerah Kualiti Rektor atau PAKAR (Penilaian Anugerah Kualiti Rektor) telah diperkenalkan pada tahun 2014. Ia merupakan satu mekanisme untuk mengumpul dan menempatkan semua maklumat di setiap bahagian dan fakulti bertujuan membantu Jawatankuasa Anugerah Kualiti Naib Cancellor (AKNC) di dalam penyediaan laporan tahunan AKNC. 19 anugerah telah dipertandingkan sebagai ganjaran kepada usaha menyediakan laporan dan menghargai kelebihan dan keistimewaan yang terdapat di setiap bahagian dan fakulti.


Kampus Kuala Terengganu adalah di antara peserta yang telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Satu jawatankuasa PAKAR bagi kampus Kuala Terengganu telah dibentuk yang diterajui oleh Prof. Madya Dr. Che Zuina Ismail sebagai penasihat, ketua-ketua penulis serta penulis-penulis

PAKAR juga telah dilantik bagi setiap kriteria.

Bersandarkan semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Penolong Rektor sendiri, walaupun tiada pengalaman menulis laporan AKNC, kami tidak mudah menyerah kalah. Walaupun laporan PAKAR Kampus Kuala Terengganu 2014 merupakan laporan pertama kami, Alhamdulillah sekurangnya Kampus Kuala Terengganu telah berjaya memenangi anugerah "Pengukuran Analisis & Pengurusan Pengetahuan Terbaik".

InsyaAllah, untuk PAKAR 2015, kami akan cuba menghasilkan laporan yang lebih baik dan mantap berdasarkan pengalaman ini dengan mengambil kira kelemahan dan kekuatan Kampus Kuala Terengganu.

Dengan kejayaan ini, jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak berbelah bahagi diberikan kepada Prof. Madya Dr. Che Zuina Ismail serta semua yang terlibat. Semoga segala usaha yang dibuat mendapat keredhaan Allah sentiasa.



BENGKEL ASAS PENERBITAN BULETIN

Juliana Mohd Nor

23 September 2014
(SELASA)
Makmal AD 3, UiTM
(T) Kampus Kuala
Terengganu

Bengkel Indesign merupakan satu platform kepada para pensyarah untuk belajar asas penerbitan buletin dengan cara mempelajari cara menggunakan peralatan yang ada di dalam perisian Adobe Indesign dan Illustrator.

Melalui pembelajaran ini, peserta dapat mengendalikan sendiri perisian di samping melakarkan sendiri bentuk buletin yang ingin mereka terbitkan pada suatu hari nanti.

Objektif program adalah untuk

memperkenalkan perisian Adobe Indesign & Illustrator dan aplikasinya serta teknik-teknik penggunaan perisian Indesign & Illustrator. Ia dikenali sebagai alat pencirian



penerbitan penulisan berbentuk ilmiah dan memberi kemahiran penggunaan aplikasi

perisian Adobe InDesign & Illustrator.

Kolokium ini telah dihadiri oleh 22 orang warga akademik dan bukan akademik dari pelbagai fakulti, unit dan bahagian UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Secara keseluruhannya, semua peserta berpendapat kolokium ini adalah satu sesi perkongsian ilmu yang amat baik dan mereka berpuashati dengan bengkel yang dijalankan. Beberapa orang peserta telah meminta supaya diadakan satu lagi bengkel

lanjutan pembelajaran memandangkan tidak semua perkara dapat diterangkan penceramah memandangkan kekangan masa yang dihadapi.

Kesimpulannya bengkel

ini telah dapat dijalankan dengan lancar dan jayanya. Para peserta telah menunjukkan minat serta komitmen yang tinggi. Maklumbalas yang diberikan terhadap sesi perkongsian ilmu ini juga adalah amat positif. Adalah diharapkan dengan adanya

bengkel seumpama ini, ia dapat menyuntik semangat warga UiTM(T)KT untuk membuat menerbitkan buletin dan 'newsletter' dari setiap fakulti, bidang dan unit

masing-masing.

Antara cadangan-cadangan yang boleh diperimbangakan :

1. Mengadakan bengkel untuk siri seterusnya agar peserta dapat menggunakan peralatan perisian dengan lebih cekap.
2. Mengadakan bengkel selama 2 hari kerana sehari tidak mencukupi untuk penceramah merangkumi semua perkara.
3. Mengadakan bengkel dengan jangkamasa yang lebih lama untuk perisian Adobe Indesign yang lebih mencabar berbanding Illustrator.



BENGKEL ANALISA MAKLUMBALAS & ADUAN PELANGGAN

Noor Erni Fazlina Binti Mohd Akhir

Pada 23 September 2014, bengkel analisa maklumbalas dan aduan pelanggan telah berjaya di jalankan di Makmal Komputer, UiTM (T) kampus Kuala Terengganu. Bengkel ini diadakan untuk membantu para peserta terutama dikalangan staf sokongan bagi memantapkan lagi kemahiran pengendalian maklumbalas dan aduan pelanggan.

*“ kemahiran
penggunaan perisian
SPSS dapat
membantu
meringankan
tugasan staf*

Objektif bengkel pada kali ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai proses menganalisa maklum balas pelanggan serta mempertingkatkan lagi kemahiran menganalisa sesuatu data dengan lebih cekap dan tepat. Disamping itu, ianya dapat melatih para peserta supaya dapat menganalisa maklumbalas pelanggan dengan lebih cepat dan berkesan dengan menggunakan perisian SPSS. Seramai 20 orang kakitangan sokongan UiTM (T) Kampus Kuala Terengganu telah menghadiri bengkel ini telah diberi pendedahan mengenai maklumbalas dan aduan pelanggan.

*“ Bengkel ini diadakan untuk
membantu para peserta
terutama dikalangan staf
sokongan”*

Para peserta telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan positif terhadap penggunaan perisian SPSS dalam memudahkan mereka mengendalikan aduan dan maklumbalas pelanggan.



En Jamri Awang Besar, yang mana berpengalaman luas dalam mengendalikan maklumbalas dan aduan pelanggan untuk UiTM Terengganu telah bertindak sebagai penceramah.

Dengan adanya bengkel ini, diharapkan dapat membantu kakitangan sokongan terutamanya pegawai kualiti dalam mengendalikan maklumbalas dan aduan pelanggan dengan berkesan.

PROGRAM CERIA 5S BERSAMA WARGA KAMPUS UITM(T) KAMPUS KUALA TERENGGANU Siti Munirah Muda

Seiring dengan langkah-langkah transformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, terdapat usaha-usaha untuk memantapkan pengurusan pejabat melalui pengenalan amalan 5S. Amalan 5S ini merujuk kepada pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan juga bersistematik. Sehubungan dengan itu, pada 26 Jun 2014 (Khamis), Unit Pengurusan Kualiti UiTM(T) Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan satu program Ceria 5S Bersama Warga Kampus. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memastikan ruangan pejabat dan juga persekitaran di tempat kerja seperti bilik pensyarah, bilik pelajar serta setiap unit dan bahagian terlibat bersih, ceria dan teratur. Selain itu, ia dapat membantu warga UiTM bekerja dan belajar dalam persekitaran yang lebih kondusif dan selesa.

Pertandingan ini melibatkan semua bilik pensyarah, semua unit/bahagian dan juga bilik pelajar siswa dan siswi di setiap kolej UiTM (Terengganu) Kampus Kuala Terengganu. Lima kategori telah di pertandingkan seperti berikut:

- Meja Pensyarah Lelaki dan Perempuan (Individu)
- Bilik Pensyarah (Lelaki dan Perempuan Berkumpulan)
- Unit/Bahagian Terbaik
- Bilik Pelajar Terbaik (Individu)
- Blok Kolej Terbaik

Pertandingan ini telah diadili oleh 8 orang panel hakim yang terdiri daripada pensyarah dan staf dari pelbagai fakulti dan jabatan. Setelah diteliti dan dibincangkan oleh para hakim, keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Kategori A Meja Pensyarah (Individu)	
1	En. Mohd Ariff Nafizi Ibrahim Pn. Farizawani Abd Ghani
2	En. Yusof Daud @ Ismail Ngo Kea Leng

Kategori B Bilik Pensyarah (Kumpulan)	
1	Bilik Pensyarah 1
2	Bilik Pensyarah 6
Saguhati	
Bilik Pensyarah 3 Bilik Pensyarah 4 Bilik Pensyarah 9	

Kategori C Unit / Bahagian Terbaik	
1	Perpustakaan
2	Bendahari
Saguhati	
Pentadbiran Kolej HEA	


Kategori D Bilik Pelajar Terbaik	
1	S016
2	S205
3	K143
Kategori E Level Kolej Terbaik	
Level 2 – Blok Sutera	

Didapati beberapa tindakan penambahbaikan perlu dilakukan iaitu antaranya adalah menambahkan hasil inovasi di setiap lokasi (bahagian/unit) dan juga ruang pejabat harus lebih kemas dengan sistem dan amalan 5S


Secara keseluruhan, program ini mencapai objektif seperti yang telah disasarkan secara tidak langsung impak dan kesan yang positif dalam mencapai matlamat meningkatkan imej UiTM (T) Kampus Kuala Terengganu ke arah panduan dan pelaksanaan amalan 5S secara menyeluruh dan sistematik.



Bilik Pelajar Terbaik



Meja Pn Farizawani Ab Ghani



Meja En. Ariff Nafizi Ibrahim